

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI
IBRAHIM [KUALA SELANGOR]**

TARIKH : 19 MEI 2015 (SELASA)

SOALAN :

YB Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Kerajaan akan mengkaji Prosedur Operasi Standard (SOP) berkaitan dengan agihan sumbangan kepada mangsa bencana, di mana beberapa aspek perlu diperbaiki dalam penyelarasan kerja pengagihan sumbangan kepada mangsa banjir termasuk agihan dari tempat pengumpulan ke rumah mangsa banjir.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, susulan dari pengalaman pengendalian bencana banjir yang lalu, Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah menambah baik Peraturan Tetap Operasi (PTO) Pengendalian Bencana Banjir yang mula diterbitkan pada tahun 2001. PTO terbaru ini telah mengambil kira pengurusan bencana banjir sehingga kepada peringkat pengendalian situasi ekstrem.

PTO ini memperincikan peranan dan tanggungjawab setiap agensi-agensi yang terlibat dalam pengurusan bencana pada peringkat sebelum, semasa dan selepas bencana, selari dengan peruntukan-peruntukan di bawah Arahan MKN No. 20: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara. Strategi pelaksanaan tindakan ini akan digerakkan oleh Pegawai Daerah, Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat daerah, negeri dan pusat.

PTO baharu ini telah menggariskan langkah-langkah yang perlu dilaksanakan pada setiap peringkat, antaranya adalah penyediaan Pelan Tindak Balas Bencana Tempatan di peringkat daerah dan negeri. Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah dan Negeri yang masing-masing perlu menyediakan rancangan kesiapsiagaan dan tindak balas yang bersesuaian dalam pengurusan bencana.

Selain itu, PTO berkenaan turut menjelaskan mengenai persiapan fasiliti penyimpanan bantuan bencana yang meliputi penyediaan depot simpanan keperluan bencana, stor bekalan negeri, stor bekalan daerah, pangkalan hadapan, stor bekalan pusat pemindahan dan lain-lain fasiliti yang berkaitan. Perkara ini akan diselaraskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan disokong oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat daerah dan negeri.

Bagi menyokong perancangan agihan bekalan keperluan, Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana juga boleh mengarahkan Agensi Kerajaan di peringkat pentadbiran masing-masing untuk membantu sebagai petugas ketika bencana. Selain itu, Jawatankuasa ini juga mengambil alih atau *requisition*, dengan izin, peralatan-peralatan atau jentera-jentera milik Agensi Kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela serta orang perseorangan secara sementara semasa menjalankan proses tindak balas bencana.

Bagi melancarkan pelaksanaan tindakan-tindakan yang dirangka di bawah PTO Pengendalian Bencana Banjir, setiap agensi pelaksana juga telah diarah untuk mengkaji, menyemak serta mengemaskini Prosedur Operasi Standard (SOP) masing-masing supaya berkeupayaan dalam menghadapi situasi banjir ekstrem.

Sekian. Terima kasih.